

MAHATHIR - UMNO

1983

PARIT, 29 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PARA ANGGOTA UMNO JANGAN CUBA MENJATUHKAN PEMIMPIN YANG DIANGGAP TIDAK PANDAI KERANA KEKUATAN PARTI TIDAK TERLETAK KEPADA KEPINTARAN PEMIMPIN SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA PEMIMPIN YANG TIDAK PANDAI TETAPI DISOKONG OLEH SEMUA ANGGOTA DI PERINGKAT BAHAGIAN, CAWANGAN ATAU NASIONAL BOLEH MEMAINKAN PERANAN LEBIH BERKESAN KEPADA PARTI DARIRADA PEMIMPIN YANG PINTAR.

"PEMIMPIN YANG PINTAR TETAPI TIDAK MEMPUNYAI SOKONGAN MENYELURUH TIDAK MUNGKIN BERKESAN KERANA AKAN TIMBIL PORAK-PERANDA DI ANTARA PENYOKONG DAN BUKAN PENYOKONGNYA YANG KELAK AKAN MEMECAH-BELAHKAN PARTI," TAMBAH BELIAU.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PARIT DAN JUGA PERASMIAN BANGUNAN PEJABAT UMNO BAHAGIAN BERTHARGA \$260,000 DI SINI.

OLEH DEMIKIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PEMIMPIN UMNO HENDAKLAH BERWASPADA TERHADAP PERKARA INI DAN JANGAN CUMA MEMIKIRKAN ISU "SIAPA YANG MENDAPAT TEMPAT" DALAM PARTI. -- LAGI 1435/II

ZCZC B555

MAHATHIR - UMNO 2 PARIT

KATANYA YANG PENTING DALAM PERJUANGAN UMNO IALAH KEKUKUHAN SEMUA BAHAGIAN DENGAN PERPADUAN YANG WUJUD DI KALANGAN ANGGOTA.

BELIAU LALU MENGULANGI KENYATAANNYA SUPAYA ANGGOTA UMNO TIDAK MENGGUNAKAN KEBEBASAN YANG DIBERIKAN OLEH PERLEMBAGAAN PARTI UNTUK BERTANDING MEREbut SEBARANG JAWATAN.

"KITA TIDAK MAHU USAHA MENDAPATKAN SOKONGAN DISALAHERTIKAN DI KALANGAN ANGGOTA SEHINGGA APABILA SESEORANG ITU MENANG BERTANDING, TIMBIL PERPECAHAN DAN BERMASAM-MASAM MUKA SEHINGGA MENJEJASKAN KERJASAMA ERAT DI KALANGAN ANGGOTA," TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMUJI UMNO BAHAGIAN PARIT KERANA BERJAYA MELAKSANAKAN PERALIHAN PIMPINAN SECARA AMAN DAN BERHARAP IA DICONTOHI OLEH UMNO DI SELURUH NEGARA BAIK DI PERINGKAT CAWANGAN, BAHAGIAN ATAU KEBANGSAAN.

KATANYA KESANGGUPAN BEBERAPA TOKOH UMNO BAHAGIAN YANG MENGUNDUR DIRI SEBAGAI WAKIL RAKYAT ATAU KETUA BAHAGIAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA "DARAH BARU" SECARA AMAN TELAH BERJAYA MENGUKUHKAN KEKUATAN UMNO. -- LAGI 1440/II

MAHATHIR-UMNO 3 PARIT

+INILAH CARA YANG PATUT KITA BERTINDAK...SILA TIBA MASANYA KITA PATUT UNDIR DENGAN SEGALA RELA HATI KITA UNDIR KERANA TINDAKAN INI BUKAN MERENDAHKAN DIRI KITA TETAPI SEBALIKNYA MEMBUATKAN RAKYAT BIASA LEBIH MENGHORMATI KITA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBIDAS SEBUAH PARTI LAWAN YANG MENYEBARKAN DAKYAH KONONNYA PERJUANGAN UMNO UNTUK DUNIA SAHAJA DAN OLEH ITU TIDAK BERGUNA KERANA DUNIA CUMA SEMENTARA SAHAJA.

SAMBIL MEMETIK AYAT AL QURAN YANG MENYEBUTKAN CUMA ORANG-ORANG SALLEH AKAN MEWARISI DUNIA INI, PERDANA MENTERI BERTANYA JIKA DUNIA TIDAK GUNA, MENGAPA IA PERLU DIWARISI OLEH ORANG-ORANG SALLEH.

+KALAU PARTI BERKENAAN TIDAK MAHU KEPADA DUNIA DAN DUNIA ADALAH UNTUK ORANG-ORANG SALLEH, MAKA BERMAKNA KITA (UMNO) LAH YANG SALLEH,+ TAMBAH BELIAU DISAMBU DENGAN TEPUKAN GEMURUH KIRA-KIRA 4,000 ORANG TERMASUK PENDUDUK DI SEKITAR PEKAN ITU.

TEGASNYA, PERJUANGAN UMNO ADALAH UNTUK MENERIMA HADIAH KURNIAAN TUHAN ITU DAN MENGURUSKANNYA DENGAN MELAKSANAKAN BERBAGAI PROJEK PERBANGUNAN UNTUK MEMBERI KEBAIKAN KEPADA SEMUA ADALAH SEBAGAI TANDA BERSYUKUR KEPADA ALLAH.--LAGI

1515/PA

MAHATHIR-UMNO 4 KUALA LUMPUR

PRESIDEN UMNO ITU JUGA MENYOAL PARTI BERKENAAN YANG MENUDUH PERJUANGAN UMNO KONONNYA BERTERASKAN KEBANGSAAN SEDANGKAN PARTI ITU SENDIRI YANG BERMEGAH MEMPERJUANGKAN ISLAM CUMA MENUMPUKAN PERJUANGANNYA DI NEGARA INI SEPERTI UMNO JUGA.

+KALAU PERJUANGANNYA TIDAK TERHAD KEPADA MANA-MANA KERANA ISLAM ITU AGAMA SEJAGAT DIMANA TERDAPAT ORANG ISLAM DI AFGHANISTAN DAN PALESTIN, MENGAPAKAH TUMPUAN PERJUANGANNYA DI PONDOK-PONDOK KECIL DI KELANTAN DAN TERENGGANU SAHAJA,+ TANYA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARTI ITU JUGA BERLINDUNG KEPADA KEBANGSAAN UNTUK KEDUDUKAN SENDIRI DI NEGARA INI DAN BUKAN UNTUK MEMPERJUANGKAN ISLAM.

+JIKA TIDAK, SUDAH TENTU MEREKA AKAN PIKUL SENJATA UNTUK MELAWAN ORANG-ORANG RUSSIA DI AFGHANISTAN DAN MELAWAN YAHUDI DI LUBNAN DAN PALESTIN DI MANA TERDAPAT ORANG-ORANG ISLAM DITINDAS DAN DIHINA.+

DI AKHIR UPACARA BELIAU MENYAMPAIKAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA 32 ORANG PEJUANG ULUNG UMNO BAHAGIAN PARTI. -- LAGI

MAHATHIR-UMNO 5 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DI IRINGI OLEH 100 ORANG PENUNGGANG MOTOSIKAL TERDIRI DARI PARA ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN PARIT SEJAUH DUA KILOMETER DATI TAMAN SERI SAYANG HINGGA KE BANDAR INI.

BELIAU KEMUDIANNYA DISAMBUT OLEH ANGGOTA-ANGGOTA JAWATANKUASA UMNO BAHAGIAN YANG DIKETUAI OLEH ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN PARIT, ENCIK AHMAD HAMBAL HAJI YEOP MAJLIS DAN SATU PERBARISAN OLEH KIRA-KIRA 600 ORANG ANGGOTA PERGERAKAN WANITA UMNO PARIT.

KUNJUNGAN PERTAMA KALI DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI PERDANA MENTERI KE SINI ITU IALAH UNTUK MERASMIKAN SERENTAK BANGUNAN UMNO PARIT YANG BERTHARGA \$260,000 SERTA MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PARIT.

BELIAU YANG DATANG BERSAMA ISTERINYA, DATIN SERI DR. SITI HASHAM TELAH DI IRINGI OLEH MENTERI BESAR PERAK, ENCIK RAMLI NGAH TALIB DAN ISTERI.

UPACARA PERASMIAN TERSEBUT TELAH DIJALANKAN SECARA SEDERHANA KERANA MENGORMATI TEMPOH BERKABUNG BERIKUTAN KEMANGKATAN RAJA MUDA PERAK. -- BERNAMA 1525/PA